

15 April 2010

## **Inovasi Tenaga Dapat Menolong Menangani Perubahan Iklim**

Oleh Merle David Kellerhals Jr

Penulis Staf

Washington - Negara-negara di hemisfera barat berpeluang untuk mencipta kemajuan dalam inovasi tenaga, menjimatkan wang dan menggunakan sumber-sumber tenaga tempatan, serta memerangi perubahan iklim, kata Setiausaha Negara Hillary Rodham Clinton.

Inovasi tenaga juga adalah sebahagian daripada strategi besar untuk memerangi kemiskinan, dan memperbaiki kehidupan dan mata pencarian, kata Clinton dalam satu persidangan tenaga dan perubahan iklim di Washington pada 15 April.

Pertemuan Perkongsian Tenaga dan Iklim untuk Amerika (ECPA) peringkat menteri pada 15-16 April ini dianjurkan bersama oleh Jabatan Negara dan Jabatan Tenaga A.S, Bank Pembangunan Antara Amerika (IDB) dan Pertubuhan Negara-negara Amerika (OAS). Ia mempertemukan menteri-menteri dan delegasi-delegasi dari seluruh hemisfera barat. Idea untuk persidangan ini dicadangkan oleh Presiden Obama ketika Sidang Kemuncak Amerika Kelima pada bulan April 2009. Persidangan ini dihadiri oleh perwakilan dari 32 negara-negara hemisfera barat dan wakil-wakil dari hampir 200 syarikat dan pertubuhan bukan kerajaan.

"Ini bukan sekadar peluang, ini adalah tanggungjawab, dan bukan sekadar untuk diri sendiri dan kita semua, tetapi untuk generasi akan datang," kata Clinton.

Selepas satu siri perundingan, para peserta telah mengenalpasti lima bidang untuk diberi perhatian dan dibangunkan: kecekapan tenaga, tenaga boleh diperbaharui, bahan api fosil bersih, dan ketiadaan akses kepada tenaga dan infrastruktur. Clinton mencadangkan dua bidang tambahan untuk menjayakan objektif-objektif Konvensyen Rangka Kerja PBB tentang Perubahan Iklim: perhutanan dan penggunaan tanah secara lestari, dan penyesuaian untuk membantu negara-negara membangun yang paling teruk dilanda perubahan iklim.

Clinton berkata tujuan pertemuan peringkat menteri ini bukan untuk memaksakan syarat-syarat dan peraturan-peraturan baru, tetapi untuk mencipta satu rangka untuk berkongsi amalan terbaik, mendorong kerjasama baru, mempromosikan penyelesaian tempatan, mengeratkan hubungan serantau dan mengembangkan kepimpinan tempatan dan nasional yang lebih besar.

"Ini adalah misi bukan hanya untuk kerajaan, tetapi untuk sektor swasta dan masyarakat awam," tambahnya.

Amerika Syarikat melancarkan enam inisiatif tenaga dan iklim untuk menyokong objektif-objektif ini. Objektif-objektif ini adalah:

- Memajukan tenaga lestari di Caribbean, termasuk geran kepada OAS untuk negara Caribbean yang mencari bantuan untuk projek-projek tenaga bersih.
- Menyokong tenaga dan keselamatan alam sekitar di Amerika Tengah.
- Memajukan pengeluaran dan penggunaan tenaga biojisim yang lestari.
- Bekerja dengan Kors Keamanan dalam usaha-usaha menggalakan penggunaan tenaga boleh diperbaharui.
- Penamaan tiga saintis alam sekitar ternama A.S. untuk berkhidmat sebagai felo kepada Menteri Tenaga dan Iklim di Amerika untuk bekerja sebagai perunding, penasihat dan pendidik.
- Mempromosikan penggunaan gas syal, atau gas asli yang dihasilkan daripada syal (batu lembut yang terhasil daripada tanah lumpur dan lain-lain yang mendap).

"Jika dibangunkan, gas syal boleh memberikan sumbangan penting untuk membekalkan tenaga kepada negara-negara di hemisfera ini, sama seperti ia sumbangkan sekarang bagi Amerika Syarikat," kata Clinton.

Amerika Syarikat menganggap hemisfera barat sama penting bagi keselamatan tenaga AS, kata David Goldwyn, penyelaras hal ehwal tenaga antarabangsa di Jabatan Negara.

"Tiga daripada empat pembekal utama minyak kami berada di hemisfera ini [Kanada, Mexico dan Venezuela]," kata Goldwyn. "Dua pengeluar terbesar biofuel - kami sendiri dan Brazil - berada di hemisfera ini. Dua dari negara pengimport terbesar gas asli - Kanada dan Trinidad dan Tobago - berasal dari hemisfera ini. "

"Jadi untuk keselamatan tenaga, ia satu perkara yang penting," tambahnya.